

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU)**

**SOALAN**

**TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini kes pembunuhan Lans Koperal Valentino Mesa yang ditetak dan ditembak ketika bertugas di Balai Polis Pinggiran USJ, Shah Alam pada 31 Ogos 2017 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan anggota polis agar kes pembunuhan seperti ini tidak berulang kembali.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kes ini masih dalam siasatan pihak PDRM dan kes ini disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh.

Selain itu, bagi meningkatkan keselamatan anggota polis semasa bertugas serta mengelakkan berulangnya insiden sedemikian, antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak PDRM adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan jumlah anggota polis yang bertugas di semua balai polis termasuk balai polis komuniti;
- (ii) mewajibkan anggota polis yang bertugas membuat rondaan termasuk kereta peronda untuk membuat pemantauan di balai-balai polis termasuk balai polis komuniti; dan
- (iii) memastikan balai-balai dilengkapi dengan kamera litar tertutup dan berfungsi dengan baik.